

PROGRAM 7 PILLARS:



AKTIVITI LASAK / PROGRAM JALAN KAKI & PELANCARAN TABUNG UNTUKMU PALESTIN

Oleh: Azilawati Suanda

Pada 17 Januari 2009 yang lalu, telah berlangsung Aktiviti Lasak / Program Jalan Kaki iaitu salah satu Program 7 Pillars yang disertai oleh semua pelajar Ijazah Tahun 1 Kemasukan Sidang Akademik 2008/2009. Bersama-sama program ini diadakan Pelancaran Tabung Untukmu PALESTIN yang telah dilancarkan di Kampus UniMAP, Ulu Pauh oleh Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP. Program besar-besaran ini dianjurkan oleh Pengurusan Kolej Kediaman dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Program jalan kaki ini bermula dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM) Beseri dan berakhir di Kampus Tetap UniMAP, Ulu Pauh. Program ini telah disertai oleh Naib Canselor sendiri dimana beliau bersama-sama pelajar berjalan kaki hingga ke Kampus Pauh. Program bermula dengan senaman ringan di MRSRM Beseri supaya semua peserta tidak mengalami kekejangan otot semasa berjalan oleh kerana perjalanan sepanjang 23.41 km ini dikira agak jauh. Semua pelajar telah melalui empat Check Point iaitu Check Point Pertama di Simpang Tiga (Jambatan) Wat Siam, Check Point Kedua di Sek. Ren. Batu Bertangkup, Check Point Ketiga di Felda Chuping dan Check Point Keempat di Round About Felda Chuping. Namun yang demikian, setelah penelitian dibuat dan disebabkan beberapa masalah yang mungkin akan berlaku, semua peserta dikehendaki menaiki bas di Check Point Ketiga dan dibawa ke Check Point Keempat dan seterusnya berjalan semula hingga ke tempat penamat iaitu di Kampus Tetap UniMAP Ulu Pauh. Ini adalah kerana faktor jarak perjalanan dan cuaca yang panas, Dato' Naib Canselor memutuskan untuk mengambil pilihan ini bagi mengelakkan sebarang kecederaan terhadap pelajar. UniMAP amat beruntung kerana memiliki Naib Canselor yang begitu prihatin terhadap pelajar-pelajarnya. Beliau juga ingin pelajar-pelajar berada lebih lama di Kampus Tetap kerana ingin memberi peluang semua pelajar melihat kampus yang sedang dibina.

Disamping itu, program ini juga telah melaungkan bantahan terhadap kekejaman Tentara Zionis terhadap penduduk Palestin. Pelancaran Tabung Untukmu PALESTIN adalah bertujuan mengutip derma dan seterusnya kutipan akan disalurkan kepada penduduk PALESTIN. Beberapa sepanduk dan keratan-keratan telah diedarkan kepada semua pelajar supaya mereka bersama-sama menyokong bantahan terhadap kekejaman ini.

Secara keseluruhan, program ini telah memupuk unsur-unsur patriotisme dan jati diri di samping dapat mengeratkan silaturahim di antara satu sama lain. Selain itu, program ini juga membentuk ketramplian peserta samaada dari aspek penampilan diri, pergaulan, sosial, komunikasi dalam erti kata lain menonjolkan imej kondusif UniMAP dimata masyarakat dan lebih bersemangat patriotik pada bangsa, agama dan negara.

Program ini telah dihadiri seramai 806 orang pelajar Tahun 1 Kemasukan Sesi S/A 2008/2009. Namun yang demikian terdapat seramai 406 orang pelajar Tahun 1 yang dikenalpasti tidak menghadiri program ini. Selain itu, program ini juga disertai oleh pelajar Tahun 4 (Akhir) seramai 169 orang, manakala 104 orang tidak hadir ke program ini.

